

Mohd Shafie menjelaskan, penggunaan teknologi hijau penting bagi membantu mengatasi masalah alam sekitar terutama yang disebabkan pelaksanaan program pembangunan, khususnya dalam proses untuk menjadi negeri perindustrian.

"Usaha ini penting bagi membawa Sabah terus maju dan seiring ke arah negeri, bandar dan luar bandar yang hijau," katanya.

Tegas beliau, pendekatan negara maju seperti di Eropah sebelum ini, yang menumpukan pembangunan perindustrian hingga menimbulkan pelbagai kesan terhadap alam sekitar sebelum meminta negara membangun mengurangkan kemusnahan hutan, perlu dijadikan iktibar.

Dalam perkembangan lain, Mohd Shafie menegaskan, pemaju perumahan di negeri ini perlu memastikan setiap projek yang dilaksanakan dilengkapi kawasan lapang yang dipenuhi tumbuhan hijau untuk rekreatif penduduk.

"Adalah penting untuk menyediakan tempat rekreatif penduduk dan menggalakkan interaksi dengan masyarakat di kawasan perumahan kerana kita tidak mahu taman perumahan hanya dikelilingi konkrit," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata sebuah pusat pengurusan sampah akan dibina di Kunak membabitkan keluasan kira-kira 28 hektar bagi menangani masalah pelupusan sisa pepejal di daerah itu, selain Semporna dan Lahad Datu.

Katanya, projek itu sesuai menggunakan teknologi hijau bagi mengurangkan kesan terhadap alam sekitar selain memberi manfaat sampingan kepada penduduk di kawasan berkenaan dalam usaha meningkatkan tahap kebersihan dan penjagaan alam sekitar.